

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CEDI
Sent: Thursday, February 1, 2018 4:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Dr. Abdul Rahman b. Jaaffar; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli
Subject: CEDI KONGSI PENGALAMAN BERSAMA PEGAWAI RISDA SELURUH MALAYSIA



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

01 FEBRUARI 2018 / 15 JAMADILAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

CEDI KONGSI PENGALAMAN BERSAMA PEGAWAI RISDA SELURUH MALAYSIA



CEDI ONLINE: Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) melalui RISTEC, iaitu bahagian latihan dan pembangunan RISDA baru-baru ini telah menganjurkan kursus **“Pemantapan Jati Diri Penyelaras Pengembangan Negeri dan Daerah Tahun 2018”** bertempat di Institut Latihan RISDA atau lebih dikenali sebagai RISTEC, Port Dickson, Negeri Sembilan 22 hingga 24 Januari 2018.

Penganjuran kursus peringkat kebangsaan ini yang memfokuskan kepada pembangunan dan “Membentuk Masyarakat Pekebun Kecil yang Progresif dan Sejahtera Melalui Aktiviti Perladangan dan Keusahawanan” memberi tumpuan kepada semua Penyelaras daerah seramai 60 orang dan negeri berjumlah 13 orang dari seluruh Malaysia serta pegawai-pegawai RISDA bahagian latihan yang bertempat di Ibu Pejabat RISDA, Kuala Lumpur.

Dalam penganjuran kursus peringkat nasional ini, Dr. Abdul Rahman Jaaffar mewakili pihak CEDI telah dijemput untuk berkongsi pengalaman CEDI dan UUM dalam penganjuran majlis dan pembangunan usahawan secara lebih efisien, efektif dan berinovatif sebagai penceramah utama (*keynote speaker*) yang menyampaikan tajuk “Pengurusan Majlis Yang Efisien/Efektif dan Inovatif”.

Majlis juga dihadiri oleh Tuan Haji Abu Hassan Bin Mohd Ali iaitu Pengarah Bahagian Latihan RISDA. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak CEDI dan UUM kerana sudi berkongsi pengalaman dengan pihak RISDA dan berharap kerjasama yang lebih erat akan terjalin terutamanya bagi membantu RISDA dari aspek latihan penyelaras daerah dan negeri RISDA dalam meningkatkan kemahiran penyampaian dan juga aspek pembangunan usahawan pekebun-pekebun kecil seluruh Malaysia.

Penganjuran seminar tahunan bertujuan untuk memantapkan jati diri semua penyelaras daerah dan negeri RISDA yang terlibat dalam melaksanakan program dan penyampaian bantuan RISDA kepada semua pekebun-pekebun kecil yang berjumlah lebih 500 ribu orang di seluruh Malaysia termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, peserta turut mendengar ucap tama daripada beberapa penceramah undangan yang terdiri daripada kalangan pengurusan tertinggi RISDA.

Tamat.

“Usahawan Satu Kerjaya”

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my> Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.